

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: PPA UUM COB
Sent: Wednesday, 7 December, 2016 4:40 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: ALUMNI UUM COB KONGSI PENGALAMAN DAN KEPERLUAN INDUSTRI KEPADA PELAJAR



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

7 DISEMBER 2016 / 7 RABIULAWAL 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera



PPA UUM COB ONLINE - Alumni UUM COB, Mohd Najib Abdul Hadi berkata, dia gembira apabila berpeluang kembali ke UUM sebagai Alumni.

Mohd Najib merupakan graduan UUM pada 2008 dan mula terlibat dalam bidang jualan dan keusahawanan selepas tamat pengajian, malah beliau merupakan Pengurus Besar Coway termuda yang pernah dilantik pada 2013 ketika berusia 27 tahun.

Melalui program perkongsian kejayaan dan pengalaman alumni bersama pelajar yang dianjurkan PPA COB ini, Mohd Najib telah meluangkan masa berkongsi kejayaan dengan hampir 200 pelajar kelas Pengantar Pengurusan dan kelas Kreativiti dan Inovasi.

Antara topik yang dikongsi adalah keusahawanan, pembentukan karektor, dan kreativiti dan inovasi dalam kerjaya dan perniagaan.

“Sejak belajar di UUM lagi, saya sudah mula belajar tentang pemasaran, kemahiran usahawan dan satu lagi yang betul-betul ubah hidup saya melalui UUM ialah pendedahan UUM itu sendiri kepada usahawan-usahawan yang memang sudah berjaya.

"Saya teruja untuk terlibat dalam program seperti ini pada masa hadapan kerana sebagai seorang yang berada dalam bidang perniagaan, saya perlu tambah lagi networking bagi menguatkan perniagaan yang diceburi ini," kata Pengurus Besar Coway (M) Sdn Bhd yang merupakan antara lapan penerima Anugerah *100 Outstanding Alumni* bagi kategori Usahawan.

Mohd Najib juga turut berkongsi bagaimana beliau lebih gemar mengumpulkan aset daripada membazir wang yang ada untuk tujuan tidak berfaedah

“Memang mencabar apabila memiliki sejumlah wang yang agak besar pada usia masih muda, saya pernah lalai seketika dalam menguruskan kewangan peribadi, namun saya bersyukur kerana kembali sedar tentang keperluan menabung.”

Pada akhir program, beliau menyatakan kesudian beliau untuk hadir ke program sebegini sekiranya dijemput lagi. Beliau juga turut menyatakan minat untuk menjadi salah seorang mentor program Sarjana Muda Keusahawanan 2U2I sekiranya diperlukan.

Turut hadir pada sesi tersebut, Dr. Hanissah A.Razak, Dr Lily Julienti Abu Bakar dan Dr. Darwina Hj. Ahmad Arshad.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
☎ 04-928 6610
📠 04-928 6606
Website: <http://uumppacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.